

05 SEP 2002

SHAFIE-DANA

BILANGAN DANA BANTU USAHAWAN BUMIPUTERA AKAN DIKURANG

JOHOR BAHRU, 5 Sept (Bernama) -- Bilangan dana kewangan yang ditubuhkan bagi membantu usahawan Bumiputera yang kini sebanyak 47 buah akan dikurangkan bagi memudahkan pengurusannya.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh berkata pengurangan bilangan itu dilakukan kerana terdapat pertindihan antara satu dana dengan dana yang lain dan ini menyulitkan pengurusan dana tersebut.

"Menteri Kewangan telah mengarahkan Unit Perancang Ekonomi untuk melihat balik dana-dana ini.

"... dan diharapkan menjelang 29 Sept. ini, dapatlah kita lihat bilangan dana itu diperkecilkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) Johor di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan dijadual membentangkan Belanjawan Negara 2003 di Parlimen pada 4.00 petang 20 Sept ini.

Shafie berkata bilangan dana selepas dikurangkan itu masih diteliti oleh Unit Perancang Ekonomi, bagaimanapun peruntukan kewangan dalam dana-dana itu mungkin tidak dikurangkan.

"Berapa bilangan dana itu kelak, Unit Perancang Ekonomi tengah lihat... banyak sangat bilangan dana kadang-kadang orang ramai pun keliru," katanya.

Sementara itu, beliau juga berkata satu sistem "belanjawan pusingan" akan diadakan bagi pengurusan kewangan dan peruntukan kewangan bagi projek pembangunan akan datang.

Dalam sistem ini, kerajaan mahu melihat urusan-urusan awal bagi membolehkan sesuatu projek itu dilaksanakan diselesaikan terlebih dahulu, seperti mendapatkan tapak tanah, sebelum peruntukan kewangan dikeluarkan.

"Kadang-kadang dalam mendapatkan tapak tanah dari kerajaan negeri memakan masa sehingga lapan bulan. Sekarang ni, macam di Kelantan dan Terengganu, lagi susah nak cari tapak daripada kerajaan negeri, dan duit terpendam begitu dan akhirnya tidak digunakan," katanya.

Menurutnya, melalui belanjawan pusingan, kerajaan tidak memberikan peruntukan pada tahun pertama, tetapi selepas tapak diperolehi pada tahun kedua, barulah wang dikeluarkan dan dibelanjakan terus.

Ketika ditanya mengenai insentif baru atau tambahan bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam negara oleh para pelabur tempatan, beliau berkata kementeriannya akan menjumlahkan semua bentuk dan nilai insentif yang diberikan setakat ini.

"Kalau kita campurkan semua insentif yang disenaraikan setakat ini seperti membawa masuk barang tanpa cukai, dividen yang tak dikenakan cukai... semuanya akan menjadikan cukai korporat yang dikenakan itu lebih rendah daripada 28 peratus," katanya.

Shafie berkata kerajaan memang mahu lebih banyak pelabur tempatan membuat pelaburan bagi meningkatkan kekuatan pelaburan dalaman kerana Malaysia memang mempunyai modal dalam negara. Simpanan negara kini tinggi di tahap 39 peratus, selain simpanan wajib seperti dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Kerana itulah juga Malaysia tidak membuat pinjaman daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi menjalankan projek-projek pembangunan sebaliknya membuat pinjaman dalam negara sendiri, katanya. -- BERNAMA

MNY JR